

Implikasi Pandemi COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia

Implications of COVID-19 Pandemic on Global Economy and Malaysian Economy

Mohd Asyraf Mohd Farique^① & Mohd Aiman Mohd Fauzi¹

¹Pegawai penganalisis, IRIS Institute

(^①Corresponding author: asyraffarique@iris.institute)

ABSTRAK

Situasi semasa dan cabaran yang dihadapi oleh semua negara menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 yang sedang berlaku ini merupakan sebuah krisis berskala global. Dalam penulisan ini, pendapat dan penulisan daripada ahli akademik, pemerhati politik dan laporan-laporan daripada institut-institut kajian telah ditinjau dan disaring untuk mendapatkan idea-idea utama yang dilontarkan terhadap setiap implikasi yang dibincangkan. Bagi menghadapi kesan kegawatan ekonomi ini, negara-negara di seluruh dunia melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk mengurangkan risiko kegawatan pada masa hadapan. Malaysia juga mengeluarkan pakej rangsangan kewangan sebanyak RM250 bilion. Sekiranya pakej rangsangan ini terus bertambah, jumlah hutang negara akan semakin meningkat dan negara-negara di seluruh dunia tidak dapat lagi menanggung beban hutang yang tinggi. Ini akan membawa kepada situasi yang seterusnya, iaitu negara-negara tersebut terpaksa meminjam daripada institusi-institusi kewangan dunia yang didominasi oleh elit kuasa iaitu Amerika Syarikat dan China seperti IMF, World Bank dan AIIB.

KATA KUNCI

COVID-19, hutang, krisis ekonomi, Malaysia, elit kapitalis

Received: Feb 27, 2021

Accepted: Apr 11, 2021

Published: May 30, 2021

ABSTRACT

The current situation and challenges faced by all countries indicate that the ongoing COVID-19 pandemic is a crisis of global scale. In this paper, opinions and writings from academicians, political observers and reports from research institutes were surveyed and summarised to obtain key ideas of the implications discussed. To address the effects of this economic downturn, countries around the world are launching Economic Stimulus Packages to reduce the risk of future crises. Malaysia also issued a financial stimulus package of RM250 billion. If this stimulus package continues to grow, the total national debt will increase and the countries around the world will no longer be able to bear the high debt burden. This will lead to the next situation, which is, that these countries are forced to borrow from the world financial institutions such as the IMF, World Bank and AIIB that are dominated by the power elites namely the United States and China.

KEYWORD

COVID-19, debt, economic crisis, Malaysia, elite capitalist

1.0 Pendahuluan

Sejak wabak COVID-19 mula merebak di Wuhan, China pada awal tahun 2020, virus COVID-19 atau Coronavirus kini telah menjangkiti manusia di hampir seluruh pelusuk dunia. Situasi semasa dan cabaran yang dihadapi oleh semua negara menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 yang sedang berlaku ini merupakan sebuah krisis berskala global. Hal ini menandakan bahawa terdapat implikasi dalam pelbagai aspek yang akan mengesani situasi dunia dan negara hari ini. Penulisan ini akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai implikasi daripada sudut ekonomi.

Dalam penulisan ini, pendapat dan penulisan daripada ahli akademik, pemerhati politik dan laporan-laporan daripada institut-institut kajian telah ditinjau dan disaring untuk mendapatkan idea-idea utama yang dilontarkan terhadap setiap implikasi yang dibincangkan.


2.0 Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global

Bagi menangani wabak COVID-19, aktor-aktor antarabangsa seperti negara-negara dan institusi antarabangsa telah mengeluarkan belanja yang besar untuk memastikan kecukupan sumber material dan tenaga manusia di setiap peringkat. Majoriti perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan yang di luar jangka. Hal ini berlaku dalam keadaan ekonomi dunia juga sedang merasai kelembapan kesan daripada pelbagai faktor seperti perang dagang, ketidakstabilan harga bahan mentah, serta ketidakstabilan politik di kebanyakan rantau. Akibatnya, beberapa permasalahan baru terbit dan dijangka membebani ekonomi global secara umum.

2.1 Krisis Hutang: Masalah Utama Dunia Pasca COVID-19

Kebanyakan negara yang terlibat dalam wabak COVID-19 ini telah melancarkan pakej rangsangan ekonomi secara besar-besaran untuk mengelakkan kegawatan ekonomi. Antaranya, AS mengumumkan pakej rangsangan ekonomi terbesar sebanyak \$2 trilion. Dikuti oleh Jerman sebanyak \$810 bilion, Jepun sebanyak \$500 bilion, Britain sebanyak \$436 bilion, negara-negara Afrika sebanyak \$100 bilion, negara-negara Timur Tengah sebanyak \$47 bilion, Kanada sebanyak \$18.8 bilion, Australia \$17 bilion, Turki \$15.5 bilion, Korea Selatan \$13.7 bilion, Singapura \$34 bilion, manakala Malaysia pula sebanyak \$57.76 bilion. China pula sehingga kini belum lagi melancarkan pelan rangsangan ekonomi mereka secara komprehensif dan menyeluruh (CGTN, 2020).

Sementara itu, institusi keuangan dunia seperti World Bank telah melancarkan pelan rangsangan ekonomi menerusi pelan pinjaman sebanyak \$14 bilion dan menyasarkan bantuan kepada negara-negara miskin dan sedang membangun. Respon yang sama juga turut dilakukan oleh International Monetary Fund (IMF) melalui pelancaran pelan pinjaman sebanyak \$1 trilion kepada negara-negara miskin dan sedang membangun yang terkesan dengan impak wabak COVID-19. Bank Pusat Eropah pula mengumumkan pakej rangsangan baru melalui pembelian bon baru bernilai 750 bilion euro daripada kerajaan dan swasta di seluruh zon Eropah termasuk Greece dan Itali. Sehingga kini, syarat pinjaman yang ditetapkan oleh bank-bank terbabit masih tidak diketahui secara terperinci (OECD, 2020).



Gambar 2.1: Infografik: Pembahagian Perbelanjaan Pakej Stimulus 2 Trilion Dolar oleh Amerika Syarikat (Sumber: Visual Capitalist)

2.2 Fenomena Kegawatan Ekonomi di Seluruh Dunia

Melihat kepada trend dan senario jangka panjang daripada data ekonomi yang dikeluarkan oleh IMF dan juga World Bank, ekonomi dunia secara puratanya dijangka pulih selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2022 (Bank of International Settlements, 2011). Walaupun begitu, pendapatan negara akan berada dalam keadaan yang kritikal terutama bagi negara-negara yang bergantung kepada sektor ekonomi komoditi, pelancongan dan pembuatan.

Selepas pandemik ini berakhir, kebanyakan negara bakal menanggung jumlah defisit fiskal yang tinggi akibat beban pengurusan kewangan yang perlu ditanggung. Proses pemulihan ekonomi global akan mengambil masa yang agak lama dan kitaran ekonomi memerlukan kepada stimulus baru untuk mempercepatkan kitaran semula.

Bagi 87 buah negara yang tidak dapat menanggung jumlah perbelanjaan sektor awam yang tinggi semasa fasa *lockdown* terutama dalam sektor kesihatan dan telah memohon membuat pinjaman dengan IMF, mereka terpaksa berhadapan dengan jumlah hutang yang tinggi. Syarat pinjaman Corona Fund yang ditawarkan juga masih tidak jelas dan membawa kepada kemungkinan berlakunya diskriminasi dalam beberapa klausa yang akan memaksa negara-negara membangun supaya membebaskan lagi pasaran mereka daripada pegangan kerajaan masing-masing (OECD, 2020).

Menurut Bank of International Settlements, dalam satu laporan yang dikeluarkan pada tahun 2011 berjudul, "The Real Effects of Debt" merumuskan bahawa – "apabila hutang-hutang negara atau sektor swasta melebihi had maksima yang dianjurkan iaitu, hutang sektor swasta 90% daripada GDP, dan hutang isi rumah 85% daripada GDP, maka pertumbuhan ekonomi negara akan semakin perlahan. Rizab simpanan dan pendapatan negara akan merosot, jumlah pembayaran *interest* yang tinggi, membawa kepada jumlah cukai yang tinggi akan dikenakan oleh kerajaan untuk meningkatkan pendapatan bagi membiayai sektor perkhidmatan awam. Kerajaan juga akan menghadapi krisis fiskal yang besar" (Bank of International Settlements, 2011). Malah, faktor hutang awam yang kritikal ini juga akan memberi kesan kepada kehilangan pendapatan yang tinggi dalam kalangan isi rumah dan syarikat-syarikat, jumlah hutang sektor swasta yang tidak *sustainable* dan fenomena kebangkrapan secara besar-besaran (Roubini, 2020).

2.3 Perkembangan Penting Syarikat Kapitalis Yahudi Sepanjang Pandemik

COVID-19

Terdapat beberapa perkembangan kritikal yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat Kapitalis Yahudi sepanjang wabak COVID-19 berlaku, khususnya dalam sektor pelaburan dan kewangan. Semasa ekonomi negara China merudum pada penghujung Disember yang lalu, nilai syarikat-syarikat gergasi China dalam pasaran saham telah jatuh dengan sangat drastik dan ketara. Situasi ini telah menyebabkan pelabur-pelabur utama kapitalis Yahudi seperti Blackstone, Jardine Matheson, Blackrock dan Vanguard melakukan pembelian secara besar-besaran (Financial Times, n.d).

Blackstone sebagai contoh telah mengambil alih syarikat pemaju hartanah terkemuka China, Soho China Ltd dengan nilai di bawah harga pasaran semasa sebanyak \$4 bilion. Selain itu syarikat-syarikat seperti Vanguard, Blackrock pada 31 Disember 2019 yang lalu membeli sebanyak \$18.2 juta pemilikan dalam Ali Baba. Bagi mengukuhkan sumber kewangan mereka, proksi kepada syarikat Kapitalis Yahudi di Asia, Soft Bank yang juga merupakan pemegang saham terbesar Ali Baba berhasrat ingin menjual \$14 bilion pegangan mereka dalam Ali Baba sebagai langkah pengukuhan sumber kapital syarikat.

Walaupun tidak dinyatakan nama syarikat yang akan membeli saham tersebut (South China Morning Post, 2020).

Selain itu, wabak COVID-19 juga telah mengurangkan harga hartanah di bandar-bandar besar China. Di Shanghai, Jardine Matheson membeli 23 ekar tanah yang disifatkan sebagai sangat strategik dengan harga \$4.4 bilion di bawah harga pasaran (EdgeProp, 2020).

Syarikat-syarikat ini juga membeli dan mengambil alih syarikat yang bermasalah. Seperti contoh di AS, Warren Buffet meningkatkan lagi pegangan beliau dalam syarikat penerbangan Delta Air Lines, keluarga Rausing dalam syarikat IFF, keluarga Reimann dalam syarikat Keurig di Pepper dan kesemua pembelian itu dianggarkan bernilai \$562 juta dan masih lagi disifatkan kecil. Mereka juga menyasarkan syarikat-syarikat yang bermasalah dan berpotensi mendapat keuntungan yang besar seperti syarikat-syarikat farmasi (Bloomberg, 2020).

Pelabur-pelabur Kapitalis Yahudi ini juga dilantik menjadi penasihat bank-bank utama di serata dunia dalam merangka strategi pelan pengambilalihan syarikat-syarikat multinasional yang didapati bermasalah dan tidak mampu membayar hutang. Di Britain, syarikat Rothschild dilantik menjadi penasihat dalam pelan pengambilalihan syarikat penerbangan utama negara tersebut. Di Amerika Syarikat pula, Federal Reserve melantik Blackrock Group sebagai penasihat kepada pelan pakej rangsangan Ekonomi yang bernilai sebanyak \$2 trilion (Financial News, 2020).

3.0 Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global

3.1 Malaysia akan Berhadapan dengan Kemelesetan Ekonomi

Biro Penyelidikan Ekonomi Kebangsaan (NBER) mendefinisikan kemelesetan ekonomi sebagai penurunan aktiviti ekonomi yang mengesani keseluruhan ekonomi dan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara khususnya pada soal pendapatan, kadar pekerjaan dan pengangguran, penghasilan dan hasil jualan runcit. Ciri-ciri kemelesetan ekonomi boleh dilihat melalui penguncupan KDNK dan penurunan unjuran pertumbuhan KDNK. Selain itu, ciri-ciri ini boleh dilihat melalui penurunan prestasi ekonomi pada sektor-sektor strategik di mana syarikat berhadapan dengan kegagalan atau penutupan perniagaan secara besar-besaran, kadar pertumbuhan ekonomi yang negatif dan peningkatan kadar pengangguran (Investopedia, 2020).

Analisis daripada World bank, IMF, ADB, Bank Negara dan Malaysian Institute of Economic Research (MIER) telah menjangkakan kemelesetan ekonomi akan berlaku kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2020. Namun begitu, implikasi COVID-19 telah menambah lagi kesan terhadap kemelesetan yang dijangkakan. Menurut analisis tersebut, terdapat perbezaan bacaan terhadap kesan kemelesetan ekonomi, unjuran pemulihan dan langkah yang perlu diambil bagi menampung implikasi kemelesetan ini.

Bank Negara membuat jangkaan unjuran pertumbuhan GDP bagi tahun 2020 adalah di antara 0.5% sehingga -2% (The Malaysian Reserve, 2020). Jangkaan Bank Negara ini adalah lebih rendah daripada apa yang diramalkan oleh Bank Dunia. Bank dunia meletakkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia sekitar -0.1% pada tahun 2020 (World Bank, 2020). Menurut Bank Dunia, kemelesetan ekonomi ini merupakan paling teruk selepas tahun 2009. IMF pula membuat jangkaan kemelesetan sebanyak -1.7% atau berkurang lebih kurang RM26 juta secara keseluruhan bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia (IMF, 2020). Manakala Asian Development Bank (ADB) pula membuat jangkaan pertumbuhan 0% (ADB, 2020). Unjuran yang dilakukan ini adalah berbeza dengan unjuran awal yang dilakukan terhadap ekonomi Malaysia (sebelum wabak COVID-19 ini melanda negara) yang dijangka akan mengalami peningkatan sebanyak 4.8% sebelum ini.

3.2 Faktor Penurunan Pertumbuhan Ekonomi Negara

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penurunan pertumbuhan ekonomi negara, antaranya adalah wabak COVID-19, penurunan harga minyak mentah dunia, penurunan jumlah eksport minyak sawit, penurunan dividen kerajaan dari syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta pengurangan jumlah peratusan pendapatan daripada cukai berbanding KDNK.

Wabak COVID-19 telah menyebabkan gangguan pengurangan dan permintaan barangan eksport Malaysia ke pasaran global merangkumi eksport barangan elektronik (-RM 4.4 bilion) dan komoditi seperti gas asli (-RM518 juta). Eksport Malaysia berkurangan sebanyak 4.7% kepada RM80.1 bilion, manakala import berkurangan sebanyak 2.7% kepada RM67.8 bilion. Jumlah perdagangan sebanyak RM147.9 bilion menurun 3.8% berbanding tahun 2019 (The Edge, 2020). Hal ini didorong oleh gangguan pengurangan dalam pengeluaran di Malaysia sendiri berikutan pengurangan aktiviti kilang akibat penutupan semasa fasa perintah kawalan pergerakan (PKP) ini dilaksanakan. Selain itu, sektor pelancongan dan penerbangan juga antara sektor yang terjejas teruk akibat wabak ini apabila pergerakan rakyat mulai terbatas akibat PKP.

Selain itu, kejatuhan harga minyak mentah dunia yang didorong oleh faktor permintaan yang berkurangan akibat wabak COVID-19 dan juga perbalahan antara negara-negara pengeluar minyak (OPEC) telah memberi kesan terhadap ekonomi Malaysia memandangkan eksport minyak menyumbang besar kepada pendapatan negara (Wall Street Journal, 2014). Menurut Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Mustapha Mohamed, bagi setiap satu dolar harga minyak jatuh, Malaysia hilang hasil sebanyak RM300 juta (Malaysiakini, 2020).

Menurut Tax Reform Committee (TRC), pendapatan cukai Malaysia menjadi semakin kecil akibat daripada pelbagai inisiatif pelonggaran cukai yang dijalankan oleh kerajaan. Pada penghujung tahun 2017, 62.9% daripada 1.25 juta syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN), hanya 7.8% daripadanya dikenakan cukai. Walaupun jumlah kutipan cukai semakin meningkat, secara puratanya, peratusan pendapatan daripada cukai berbanding KDNK berkurang setiap tahun, daripada 15.6% pada 2012, kepada 12% pada 2018 (The Edge, 2019). Hal ini ditambah dengan faktor penurunan dividen kerajaan dari syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berikutan kekurangan sumber pelaburan bagi syarikat yang membenarkan pencarum mengeluarkan duit awal dari tempoh yang dibenarkan, serta penutupan beberapa sektor perkhidmatan yang menyalurkan keuntungan kepada kerajaan.

3.3 Peningkatan Kadar Pengangguran

Bank Negara menjangkakan kadar pengangguran negara meningkat kepada 4% pada tahun 2020. Sebelum ini trend kadar pengangguran Malaysia kekal pada 3.3% setahun (The Malaysian Reserve, 2020). Kadar tersebut meningkat kepada 3.7% ketika krisis kewangan dunia berlaku dan 3.2% ketika krisis kewangan Asia pada tahun 1998. IMF pula membuat jangkakan kadar pengangguran bagi Malaysia pada tahun 2020 mencecah 4.9% dan menurun pada tahun 2021 kepada 3.4% (IMF, 2020).

MIER membuat dua jangkakan dari sudut kadar pengangguran di Malaysia jika PKP dilanjutkan. Yang pertama, sekurang-kurangnya 2.4 juta daripada 16 juta rakyat Malaysia akan kehilangan pekerjaan. 2.4 juta orang ini terdiri daripada 1.6 juta pekerja tidak mahir manakala 780,000 adalah pekerja mahir. Kesan kehilangan pekerjaan dan pendapatan isi rumah akan turut mengesani penurunan terhadap perbelanjaan isi rumah sebanyak 11% berikutan kehilangan pendapatan bersamaan dengan RM95 bilion.

Yang kedua, seramai 951,000 orang daripada 16 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan dengan pecahan sebanyak 647,000 pekerja tidak mahir dan 780,000 pekerja mahir. Pendapatan isi rumah hilang sebanyak RM41 bilion dan perbelanjaan isi rumah berkurangan sebanyak 4.9% (MIER, 2020).

3.4 Perkembangan Ekonomi Semakin Perlahan

MIER, ICER dan ADB membuat jangkaan pertumbuhan ekonomi negara hanya akan mula menunjukkan peningkatan khususnya pada penggal kedua tahun 2020 atau bermula pada penggal ketiga dan akan mencapai tahap stabil pada tahun 2021. Jangkaan *worst case* oleh MIER adalah jika penghasilan industri dan perdagangan Malaysia kembali pulih mencapai sekitar 96%-98% daripada sasaran asal pada suku ketiga tahun 2020 dan meningkat sebanyak 2% pada suku keempat. KDNK negara akan menguncup sebanyak 6.9% berbanding sasaran asal 2020. Penguncupan ini boleh dianggarkan bersamaan dengan kehilangan sebanyak RM 102 bilion terhadap KDNK negara.

Jangkaan kes yang terbaik adalah jika penghasilan industri berjaya pulih sepenuhnya kepada bacaan asal 2020 pada suku ketiga, dan industri berjaya meningkatkan penghasilan sebanyak 2% bagi suku keempat. MIER membuat jangkaan penguncupan KDNK hanya sebanyak 2.61% dari unjuran asal kerajaan pada tahun 2020. Unjuran pertumbuhan pula dijangka sebanyak 1.57%. Justeru itu, penguncupan ini boleh dinilai sebagai negara kehilangan hanya RM38 bilion terhadap KDNK negara.

3.5 Kadar hutang negara berisiko untuk meningkat

Kadar hutang negara setakat 12 Februari 2020 berada di takat lebih kurang 52.5% dari KDNK, iaitu sekitar RM793 juta. Hutang dalam negeri mencatatkan 74% dari jumlah keseluruhan hutang, manakala hutang luar negara pula berada pada kadar 26% daripada jumlah keseluruhan hutang negara. Dalam keadaan ekonomi semasa Malaysia mampu membayar keseluruhan hutang sebanyak lebih kurang 1.9 kali (Commodity, 2020). Walaupun begitu Malaysia berkemungkinan menghadapi masalah dalam menguruskan hutang sekiranya kos pengurusan sektor kesihatan awam meningkat akibat wabak COVID-19 ini di saat pendapatan negara mulai menurun dengan drastik akibat faktor-faktor yang dinyatakan di atas.

4.0 Penutup

Justeru, bagi menghadapi kesan kegawatan ekonomi ini, negara-negara di seluruh dunia melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk mengurangkan risiko kegawatan pada masa hadapan. Malaysia juga mengeluarkan pakej rangsangan kewangan sebanyak RM250 bilion. Namun, sekiranya pakej rangsangan ini terus bertambah, jumlah hutang negara akan semakin meningkat dan negara-negara di seluruh dunia tidak dapat lagi menanggung beban hutang yang tinggi. Ini akan membawa kepada situasi yang seterusnya, iaitu negara-negara tersebut terpaksa meminjam daripada institusi-institusi kewangan dunia yang didominasi oleh elit kuasa iaitu Amerika Syarikat dan China seperti IMF, World Bank dan AIIB.

Rujukan

ADB, (2020). Asian Development Outlook.

<https://www.adb.org/sites/default/files/publication/575626/ado2020.pdf>.

Bank of International Settlements, (2011). *The Real Effects Of Debt*.

<https://www.bis.org/publ/othp16.pdf>.

- Bloomberg, (26 Mac 2020). *Why BlackRock Has a Role in the Fed Bond-Buying Spree: QuickTake*. <https://www.bloomberg.com/news/articles/2020-03-25/why-blackrock-has-a-role-in-the-fed-bond-buying-spree-quicktake>.
- CGTN, (2 April 2020). *Things To Know About Stimulus Packages Across The World*. <https://news.cgtn.com/news/2020-04-01/Five-things-to-know-about-stimulus-packages-PkXG1LKDkI/index.html>.
- Commodity, (9 Mac 2020). *Malaysia's Debt Clock: The Prime Minister Admits off Budgets*. <https://commodity.com/debt-clock/malaysia/>.
- EdgeProp, (5 Mei 2020). *Rockefeller Family Revives Business Interest In Mainland China, Betting On Illustrious Name To Boost Golf And Real Estate Projects*. <https://www.edgeprop.sg/property-news/rockefeller-family-revives-business-interest-mainland-china-betting-illustrious-name-boost-golf-and>.
- Financial News, (20 Mac 2020). *Rothschild Drafted In To Review Multibillion-Pound Airline Bailout — Report*. <https://www.fnlondon.com/articles/rothschild-drafted-in-to-review-multi-billion-pound-airline-bailout-report-20200320>.
- Financial Times, (n.d.). *Jardine Matheson Decides To 'Never Say Never' On Big Bets In China*. <https://www.ft.com/content/44abbb12-621c-11ea-b3f3-fe4680ea68b5>.
- IMF, (23 Mac 2020). *The Great Lockdown: Worst Economic Downturn Since the Great Depression*. <https://www.imf.org/en/News/Articles/2020/03/23/pr2098-imf-managing-director-statement-following-a-g20-ministerial-call-on-the-coronavirus-emergency>.
- IMF, (2020). *World Economic Outlook*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2020/04/14/weo-april-2020>.
- Investopedia, (20 April 2020). *Guide to Economic Recession*. <https://www.investopedia.com/terms/r/recession.asp>.
- Malaysiakini, (5 April 2020). *Malaysia Hilang RM 300 Juta Setiap Satu Dollar Minyak Jatuh*. <https://www.malaysiakini.com/news/518873>.
- MIER, (2020). *The Economic Impacts of COVID-19*. <https://www.mier.org.my/the-economic-impacts-of-covid-19/>.
- OECD, (18 Februari 2020). *Corporate Debt Continues To Pile Up*. <http://www.oecd.org/corporate/corporate-bond-debt-continues-to-pile-up.htm>.
- Project Syndicate, (28 April 2020). *The Coming Greater Depression of the 2020s*. <https://www.project-syndicate.org/commentary/greater-depression-covid19-headwinds-by-nouriel-roubini-2020-04>.
- South China Morning Post, (10 Mac 2020). *Soho China, Builder Of Zaha Hadid's Curves, Is In Talks With Blackstone In US\$4 Billion Privatisation Deal*. <https://www.scmp.com/business/companies/article/3074472/soho-china-builder-zaha-hadids-curves-talks-blackstone-us4>.
- The Edge, (4 Mei 2020). *March Export Fall 4.7% To RM 81 Billion*. https://www.theedgemarkets.com/article/march-exports-fall-47-rm801b-electrical-products-drag?fbclid=IwAR14fL2OCjWGBRUfliwX5XsVUCHz7tOJpXw1WJ8o3UvXy1_ULGrCK5iORmg#.Xq-jNks2ryo.facebook.
- The Malaysia Reserve, (6 April 2020). *Malaysia On The Verge Of Recession*. <https://themalaysianreserve.com/2020/04/06/malaysia-on-the-verge-of-recession-economy-could-shrink-2/>.
- World Bank, (2020). *The Economy in the Time of COVID-19*. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/33477>.

WSJ, (28 November 2014). *Malaysia's Petronas to Review Spending*.

<https://www.wsj.com/articles/malysias-petronas-to-review-spending-as-oil-prices-slide-1417172761>.